

04 NOV 1998

Mahathir-Singapura

PERDANA MENTERI M'SIA DAN SINGAPURA BERTEMU ESOK

KUALA LUMPUR, Nov 5 (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia dan Singapura akan bertemu di Sepang, Kuala Lumpur esok, selepas kedua-dua pemimpin itu menyatakan hubungan "rapuh" kedua-dua negara telah bertambah baik, dan kedua-dua pihak mahu menjalin hubungan yang baik.

Ini adalah pertemuan yang kelima tahun ini antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Goh Chok Tong.

Tiada kenyataan rasmi berkaitan pertemuan itu dikeluarkan, tetapi Jabatan Penerangan menghantar nota kepada editor berkaitan sidang berita oleh Dr Mahathir di Hotel Pan Pacific di Sepang pada pukul 11 pagi, selepas pertemuan itu.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika dihubungi Bernama di rumahnya malam ini enggan memberikan ulasan berkaitan pertemuan itu.

"Tunggulah esok," katanya.

Hubungan antara Malaysia dan Singapura tegang sejak beberapa bulan lepas berkaitan beberapa isu, termasuk kedudukan pusat pemeriksaan kereta api Malaysia di Singapura, masa depan bekalan air ke Singapura dan ulasan berkaitan bekas pemimpin Malaysia dalam memoir bekas Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew.

Mesyuarat yang pertama antara kedua-dua pemimpin itu berlangsung di Johor dalam bulan Januari, diikuti dua pertemuan dua bulan kemudian di Singapura dan Kuala Lumpur.

Pada bulan April, kedua-dua pemimpin itu bertemu lagi apabila mereka bersama-sama merasmikan jambatan sepanjang 2 km, yang dibina oleh kedua-dua negara, yang menjadi laluan kedua antara kedua-dua negara, selepas Tambak Johor.

Minggu lepas, kedua-dua pemimpin memberikan ulasan berkaitan hubungan kedua-dua negara.

Dalam satu temu bual dengan akhbar Malaysia berbahasa Cina, Dr Mahathir berkata hubungan dua hala telah bertambah baik dan rakyat Malaysia tidak perlu bermusuhan dengan rakyat Singapura.

Beliau berkata hubungannya dengan Goh adalah "sangat kukuh" dan beliau tidak mahu menimbulkan sebarang kemarahan.

Reaksi kepada kenyataan Dr Mahathir itu, Goh berkata pada hari Ahad: "Kita semua mahukan hubungan yang baik, dan kita telah nyatakan sebelum ini Malaysia perlu memulakan langkah. Jika ada perubahan fikiran baginya (Dr Mahathir), Saya tidak keberatan untuk bertemu dengan beliau."

--BERNAMA

AU RI